

## POLISEMI PERKATAAN *WAZAR* DALAM AL-QURAN<sup>(\*)</sup>

*(The Polysemy of the Word Wazar in the Quran)*

Syakirah Rifa'in@Mohd Rifain<sup>1</sup>, Ahmad Arifin Sapar<sup>2</sup>,  
Uraidah Abdul Wahab<sup>3</sup>

### ABSTRACT

This study discusses the word polysemy or *al-musytarak al-lafzi* in al-Quran al-Karim which has two or more meanings. The objective of this study is to identify whether the word of *wazar* in the Quran is classified in *al-musytarak al-lafzi* or not. This study is a qualitative study that utilizes a text analysis method based on Jost Trier's (1931) Semantic Field Theory. The author uses a Quranic text that focuses on the word polysemy *wazar* in the Quran al-Karim. The results of the study show that the word *wazar* belongs to *al-musytarak al-lafzi* because the same pronunciation shows different meanings. All the words *wazar* repeated 27 times give only two different meanings; the first means the heavy burden including sin and equipment of war is repeated 26 times and the second means the shelter is mentioned only once. The word *wazar* which is given the meaning of bear, sin, sin bearer, equipment of war and helper actually refers to the same meaning which is a heavy burden. Thus, the wisdom of the word polysemy with its diversity of meanings shows elements of the beauty and linguistic

---

<sup>(\*)</sup> This article was submitted on: 16/04/2025 and accepted for publication on: 22/05/2026.

<sup>1</sup> Corresponding Author. Pensyarah Kanan (Dr.), Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

E-mel: [syakirah87@um.edu.my](mailto:syakirah87@um.edu.my)

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan (Dr.), Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

E-mel: [arifin@um.edu.my](mailto:arifin@um.edu.my)

<sup>3</sup> Guru, Sekolah Menengah Agama Persekutuan Labu, Negeri Sembilan.

E-mel: [uraidahabdulwahab@yahoo.com](mailto:uraidahabdulwahab@yahoo.com)

grandeur of the Quran and the Arabic language.

**Keywords:** *Polysemy; Musytarak Lafzi; Wazar; Al-Quran*

## ABSTRAK

Kajian ini membincangkan perkataan polisemi atau *al-musytarak al-lafzi* dalam al-Quran al-Karim yang mempunyai dua makna atau lebih. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti sama ada perkataan *wazar* di dalam al-Quran digolongkan dalam *al-musytarak al-lafzi* atau tidak. Kajian ini merupakan pendekatan kualitatif yang menggunakan kaedah analisis teks berdasarkan Teori Medan Makna Jost Trier (1931). Penulis menggunakan teks al-Quran yang memfokuskan kepada perkataan polisemi *wazar* dalam al-Quran al-Karim. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa perkataan *wazar* adalah tergolong dalam *al-musytarak al-lafzi* kerana satu lafaz yang sama menunjukkan makna yang berbeza. Semua perkataan *wazar* yang diulang sebanyak 27 kali hanya memberi dua makna yang berbeza; pertama bermaksud bebanan yang berat termasuk dosa dan peralatan perang diulang sebanyak 26 kali dan kedua bermaksud tempat perlindungan hanya disebut sekali sahaja. Perkataan *wazar* yang diberi makna memikul, dosa, penanggung dosa, peralatan perang dan pembantu sebenarnya merujuk kepada makna yang sama iaitu bebanan yang berat. Justeru, hikmah perkataan polisemi dengan kepelbagaian makna menunjukkan elemen keindahan dan keagungan linguistik al-Quran dan bahasa Arab.

**Kata kunci:** *Polisemi; Musytarak Lafzi; Wazar; Al-Quran*

## 1.0 PENDAHULUAN

Kebolehan berbahasa merupakan satu anugerah Allah SWT yang amat berharga kepada manusia. Dengan kurniaan ini, manusia mampu berkomunikasi sesama mereka. Melalui bahasa, manusia mampu melahirkan segala yang tersirat di hati dan terlintas di fikiran mereka. Asas bagi menguasai bahasa ialah kosa kata, dan ia telah dikurniakan kepada insan pertama yang diciptakan Allah SWT, iaitu

Nabi Adam a.s. Hal ini diceritakan dalam firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 31:

وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا

“Dan Dia (Allah s.w.t) mengajarkan Nabi Adam akan segala nama benda-benda”

Bermula daripada bahasa, berlaku pelbagai perkembangan dan kemajuan dalam kehidupan manusia. Tanpa bahasa manusia tidak mungkin mempelajari, memahami dan mendalami berbagai bidang ilmu yang ada, malah tanpa bahasa manusia tidak dapat menjalani kehidupan yang sempurna. Bahasa itu sesuatu yang maknawi namun ia banyak membantu merealisasikan keperluan manusia. Oleh kerana keunikan sifat bahasa itu, manusia sejak dahulu lagi telah melakukan berbagai-bagai kajian terhadap bahasa mereka. Kajian mengenai bahasa ini telah mengalami berbagai perkembangan. Bahasa dikaji dari unitnya yang terkecil iaitu aspek bunyi hinggalah dalam pembentukan ayat. Oleh itu, timbullah bidang-bidang fonetik, fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik yang mengkaji mengenai bahasa (Verhaar, 1986).

Kajian mengenai makna atau semantik merupakan satu bidang yang amat menarik. Terdapat berbagai-bagai unsur dalam bahasa yang mempunyai peranan yang tersendiri dalam merealisasikan makna yang ingin disampaikan. Setiap satunya mempunyai ciri-ciri tersendiri yang unik untuk dikaji. Antara istilah linguistik dalam ilmu semantik ialah ‘polisemi’ bermaksud satu perkataan yang mempunyai beberapa makna. Contohnya perkataan Inggeris *flight* bermakna lalu menerusi udara, kuasa terbang, perjalanan udara, unit angkatan tentera, pelencongan, dan rentetan beberapa anak tangga (Palmer, 1989).

*Al-musytarak al-lafzi* adalah satu fenomena bahasa yang terdapat dalam banyak bahasa di dunia. Kajian mengenai *al-musytarak al-lafzi* ini termasuk di dalam skop semantik atau pun kajian mengenai makna. Hakikat kewujudan *al-musytarak al-lafzi* dalam bahasa Arab tidak dapat dinafikan oleh ahli linguistik Arab dahulu dan moden. Hakikatnya, polisemi dan homonym atau *al-musytarak al-lafzi* adalah satu fenomena bahasa yang terdapat dalam banyak bahasa di dunia. Kajian mengenai *al-musytarak al-lafzi* ini termasuk di dalam skop semantik atau pun kajian mengenai makna.

## 2.0 PENYATAAN MASALAH

Al-Quran adalah kalam Allah yang penuh dengan mukjizat yang tidak dapat ditandingi. Ia adalah sumber pertama dan utama bagi umat Islam. Pelbagai usaha mengupas dan mentafsir perkataan dan lafaz di dalam al Quran supaya manusia memahami makna yang sebenar. Allah SWT telah menyebut perkataan وزر sebanyak 27 kali dalam 14 ayat yang berbeza.

Allah SWT menyebut perkataan (وزر) sebanyak tujuh kali, perkataan (أوزار), (وازر) dan (تزر) dilafazkan sebanyak lima kali, (وزير) dan (يزرون) sebanyak dua kali dan (وزر) hanya sekali sahaja. Ini menunjukkan bahawa perkataan (وزر) adalah yang paling banyak diulang dan perkataan (وزر) hanya sekali sahaja dinyatakan oleh Allah SWT di dalam al Quran. Berdasarkan pendapat Muqatil (1975) di dalam kitabnya *al-Asybah wa al-Naz'ir fi al-Quran al-Karim*, perkataan وزر mempunyai tiga makna yang berbeza iaitu وازر di dalam ayat ﴿ولا تزر وازرة وزر أخرى﴾ bererti yang menanggung, وازر di dalam ayat ﴿واجعل لي وزيراً من أهلي﴾ bererti pembantu dan وزر dalam ayat ﴿ليحملوا أوزارهم كاملة يوم القيامة﴾ bererti dosa.

Al-Asfahani (2009) menjelaskan perkataan الوزر membawa dua makna yang berbeza; pertama الوزر bermaksud bukit yang digunakan sebagai tempat berlindung. Ini dibuktikan dalam ayat ﴿كلا لا وزر﴾. Maksud kedua الوزر adalah bebanan yang berat, termasuk dosa dalam ayat ﴿ليحملوا أوزارهم كاملة يوم القيامة﴾ ووضعتنا عنك وزرك الذي أنقض ظهرك﴾ ومن أوزار الذين يضلون بغير علم ألا ساء ما يزرون﴾ dan ayat ﴿ولا تزر وازرة وزر أخرى﴾ serta peralatan perang dalam ayat ﴿فإما﴾ منا بعد وإما فداء حتى تضع الحرب أوزارها﴾.

Persoalannya di sini adakah perkataan *وزر* di dalam al Quran digolongkan dalam *al-musytarak al-lafzi*? Didapati terdapat 27 perkataan yang sama berulang. Adakah kesemua 27 perkataan yang diulang ini memberi makna yang sama atau makna yang berbeza? Adakah makna yang berbeza itu merujuk kepada makna asal yang satu? Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan untuk menjawab persoalan tersebut.

### 3.0 KAJIAN LITERATUR

#### 3.1 *Konsep dan Definisi al-Musytarak al-Lafzi atau Polisemi*

*Al-musytarak al-lafzi* adalah satu istilah di dalam bahasa Arab yang terbentuk daripada dua perkataan iaitu, *al-musytarak* dan *al-lafzi*. Perkataan *al-musytarak* bererti 'yang sama' atau 'yang berkongsi'. Manakala *al-lafzi* pula bererti 'yang berkaitan sebutan'. Justeru, makna *al-musytarak al-lafzi* secara literal ialah perkataan yang sama dari segi sebutan.

Sibawayh ialah ahli nahu pertama menyebut *al-musytarak al-lafzi* mengikut penggolongan kata. Sebagaimana dalam *al-Kitab* menyebut setengah daripada perkataan mereka berbeza dua perkataan kerana berbeza dua makna, berbeza dua perkataan tapi makna satu, bersekutu dua perkataan dan berbeza dua makna, bersekutu dua perkataan tapi pelbagai makna (al-Manjad, 1998). Ibn Faris (1992) telah menyebutkan *al-musytarak al-lafzi* dalam Kitab al-Ajnas sebagaimana Sibawayh menyebut sebelumnya, iaitu setengahnya sama perkataan tetapi berbeza maknanya. Contohnya: عين المال ، عين الماء ، عين الميزان ، عين الركبة .

Subhī al-Sālīh (1983) mentakrifkan *al-musytarak al-lafzi* sebagai "sesuatu (perkataan) yang sama bentuknya dan berbeza maknanya". Takrif beliau ini adalah sama dengan konsep *al-musytarak al-lafzi* yang dipegang oleh ahli linguistik Arab dahulu. Al-Suyūti pula mentakrifkan *al-musytarak al-lafzi* sebagai satu perkataan yang mempunyai dua makna atau lebih dengan tahap makna yang sama dalam bahasa (Umar, 2006).

Menurut Ibrahim Anis (1984) istilah *al-musytarak al-lafzi* digunakan oleh ulama dahulu untuk perkataan yang mempunyai bentuk yang sama dan mempunyai pelbagai makna kerana di samping mempunyai sebutan dan huruf-huruf yang sama, perkataan tersebut juga menunjukkan lebih daripada satu

makna.

Menurut Abdullah Hassan (1989) istilah polisemi merujuk kepada fenomena apabila ada perkataan yang mempunyai banyak makna. Wujudnya banyak makna untuk sesebuah perkataan boleh disebabkan oleh keadaan semula jadi dan juga konteks. Ini menimbulkan polisemi tulen dan polisemi menurut konteks. Antara sarjana linguistik Arab yang menggunakan istilah polisemi untuk *al-musytarak al-lafzī* ialah Ahmad Na'im al-Kura'in. Penggunaan istilah polisemi bagi *al-musytarak al-lafzī* turut tersenarai dalam kamus istilah linguistik. Justeru, kajian ini menggunakan istilah polisemi sebagai makna bagi *al-musytarak al-lafzī*.

Di antara alasan mereka yang menunjukkan wujudnya *al-musytarak al-lafzī* secara meluas dalam bahasa Arab ialah:

- (a) Bentuk ayat akan menentukan makna yang dikehendaki oleh *al-musytarak al-lafzī* tanpa menimbulkan kesamaran.
- (b) Ahli bahasa telah menyebut banyak perkataan yang terdiri daripada *al-musytarak al-lafzī*.
- (c) *Al-musytarak al-lafzī* wajib berlaku dari segi akal kerana perkataan adalah terhad tetapi makna tidak.
- (d) *Al-musytarak al-lafzī* adalah salah satu perkara biasa dalam bahasa kerana ahli nahu bahasa Arab telah menjadikan setiap partikel (*al-harf*) makna yang berbagai-bagai.

Secara umumnya *al-musytarak al-lafzī* ialah satu perkataan yang mempunyai dua makna atau lebih. Namun *al-musytarak al-lafzī* dengan pengertian khusus boleh didefinisikan sebagai perkataan yang sama ejaan dan sebutannya serta menunjukkan kepada dua makna atau lebih yang tidak bertentangan. Contoh *al-musytarak al-lafzī* yang masyhur ialah perkataan yang diriwayatkan mempunyai pelbagai makna. Antara makna-makna tersebut ialah mata, mata air, wang emas atau perak, zat sesuatu, ketua tentera, terusan dan hujan yang tidak berhenti (Abu al-'Amaythal, 1988).

#### 4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan kaedah analisis teks dengan memberi tumpuan kepada perkataan polisemi *al-wazar* (وزر) dalam al-Quran. Pendekatan tafsir *bil ra'yi* diaplikasikan bagi meneliti makna lafaz berdasarkan aspek linguistik Arab, khususnya semantik, nahu dan sarf. Dalam masa yang sama, kajian ini menggunakan Teori Medan Makna yang diperkenalkan oleh Jost Trier (1931) sebagai kerangka analisis untuk memahami hubungan makna sesuatu perkataan dalam sistem semantik yang sama. Melalui pendekatan ini, makna lafaz polisemi dapat dikenal pasti dan dibezakan berdasarkan konteks penggunaannya dalam ayat, tema surah serta hubungannya dengan perkataan lain yang berada dalam medan makna yang berkaitan.

Pengumpulan data dilakukan melalui kajian perpustakaan dengan menjadikan al-Quran sebagai sumber utama. Ayat-ayat yang mengandungi perkataan *wazar* dikenal pasti menggunakan pangkalan data al-Quran daripada laman Tanzil bagi memastikan ketepatan jumlah penggunaan, lokasi ayat dan surah yang berkaitan. Bagi menghuraikan makna-makna yang terkandung dalam lafaz tersebut, kajian ini merujuk kepada sumber leksikografi Arab seperti *Lisan al-'Arab*, *al-Mu'jam al-Wasit* dan *al-Munjid fi al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asirah*. Rujukan ini digunakan untuk mengenal pasti makna dasar, perkembangan makna serta kemungkinan makna yang berbeza bagi perkataan *wazar*. Seterusnya, analisis data dijalankan dengan meneliti konteks sintaksis ayat, tema perbincangan surah dan medan makna yang mengelilingi lafaz tersebut. Hasil analisis turut disokong melalui perbandingan pandangan mufassir muktabar seperti al-Tabari, al-Razi, al-Zamakhshari, Ibn Kathir dan al-Asfahani. Kaedah ini membolehkan setiap makna *wazar* ditentukan secara lebih sistematik dan objektif, di samping mengelakkan pentafsiran yang bercanggah dengan konteks wahyu. Dengan itu, kajian ini dapat memberikan pemahaman yang lebih menyeluruh terhadap kepelbagaian makna perkataan *wazar* serta menyerlahkan keindahan dan ketepatan penggunaan bahasa dalam al-Quran.

Pada peringkat pertama penulis mengenal pasti ayat yang berkaitan perkataan *وزر* dalam al-Quran dengan menggunakan perisian komputer dari laman web *tanzil.net*. Dengan cara ini penulis dapat memastikan jumlah perkataan *وزر* digunakan dalam al-Quran adalah

tepat bersama ayat dan surah bagi perkataan tersebut. Dalam analisis ini, pendekatan yang diambil ialah mengenal pasti makna-makna bagi perkataan polisemi dalam pelbagai ayat. Penulis merujuk *Mu'jam 'Arabi* antaranya *Lisan Arab* oleh Ibn Manzur (1994), *al-Mu'jam al-Wasit*, dan *al-Munjid fi al-Lughat al-Arabiyyat al Mu'asirat*. Kajian ini akan memperhalusi pandangan para sarjana mengenainya secara kritis berpandukan kamus dan kitab tafsir utama yang berkaitan antaranya al-Razi, al-Zamakhshari, Ibn Kathir, al-Tabari, al-Asfahani dan banyak lagi tafsir-tafsir berkaitan. Hasil kajian ini akan membawa kepada kefahaman menyeluruh bagi kepelbagaian makna yang ditampilkan dalam al-Quran terhadap perkataan polisemi *wazar* yang menampilkan elemen keindahan dan keagungan linguistik al-Quran.

## 5.0 PENGAPLIKASIAN TEORI MEDAN MAKNA DALAM ANALISIS DATA

Analisis data dalam kajian ini berpandukan Teori Medan Makna yang diperkenalkan oleh Jost Trier (1931). Teori ini digunakan bagi mengenal pasti dan menjelaskan kepelbagaian makna perkataan *wazar* (وزر) berdasarkan hubungan semantik antara perkataan tersebut dengan unsur-unsur linguistik lain dalam konteks ayat al-Quran. Melalui pendekatan ini, makna sesuatu lafaz tidak ditentukan secara terasing, sebaliknya difahami melalui kedudukannya dalam rangkaian makna yang membentuk sesuatu medan semantik tertentu.

Proses analisis dimulakan dengan mengenal pasti semua ayat yang mengandungi perkataan *wazar* dalam al-Quran. Seterusnya, setiap ayat dianalisis untuk menentukan konteks penggunaannya berdasarkan struktur ayat, tema perbincangan surah dan hubungan dengan perkataan-perkataan lain yang hadir dalam ayat yang sama. Perkataan *wazar* kemudiannya dikelompokkan mengikut medan makna yang sesuai seperti dosa dan tanggungjawab, bebanan, perlindungan atau tempat berlindung, bergantung kepada konteks penggunaannya dalam ayat. Pengelompokan ini membolehkan perbezaan makna dikenal pasti secara sistematik serta mengelakkan pentafsiran yang hanya bergantung kepada makna leksikal semata-mata.

Bagi mengukuhkan dapatan, analisis medan makna turut dibandingkan dengan huraian yang dikemukakan oleh para mufassir dan ahli bahasa dalam karya tafsir serta kamus Arab yang muktabar. Langkah ini bertujuan memastikan makna yang dipilih selaras dengan konteks wahyu dan tradisi pentafsiran Islam. Melalui penggunaan teori medan makna, kajian ini dapat menjelaskan fungsi semantik perkataan *wazar* secara lebih menyeluruh di samping memperlihatkan bagaimana perubahan konteks menghasilkan variasi makna dalam penggunaan lafaz tersebut di dalam al-Quran.

## 6.0 HASIL DAN PERBINCANGAN

### 6.1 Perkataan (وزر)

#### a) (وزر) dari segi bahasa

Ibn Manzur dalam Lisan Arab (1990), al-Mu'jam al-Wasit (1989) dan Subhi Hamawi (2000) menjelaskan bahawa perkataan (الوزر) memberi maksud tempat perlindungan, asalnya adalah bukit yang kukuh. Menurut Abu Ishak, (الوزر) digunakan dengan maksud bukit yang kukuh dalam pertuturan orang Arab. Ini membuktikan (الوزر) adalah asal (1990). Manakala (الوزر) pula memberi maksud berat, bebanan atau tanggungan yang berat, peralatan perang dan dosa. Penggunaan *jamak* bagi kedua-dua perkataan tersebut pula adalah (أوزار). Menurut Ibn Al-Athir (1893), di dalam hadis kebanyakan perkataan ini merujuk kepada maksud dosa. Al-Jauhari pula menyatakan bahawa (الوزر) adalah dosa, beban yang berat dan peralatan perang.

Perkataan (الوزير) pula bermaksud orang yang diamanahkan raja untuk memikul beban yang berat, keadaannya dinamakan (الوزارة) atau (الوزارة) (Majma' Al-Lughah Al-Arabiyyah, 1989). Menurut Ibn Sayyidah asal perkataan (الوزير) adalah (أوزر). Oleh itu sebahagian ahli bahasa berpendapat huruf (و) pada perkataan (الوزير) adalah *badal* daripada huruf (ء). Sebahagian lain pula


berpendapat bahawa (الْوَزِير) adalah *isytiqaq* daripada perkataan (الوزير) bermaksud bukit yang dapat berlindung daripada kebinasaan, (وزير الخليفة) bermaksud orang yang bergantung kepada pandangan khalifah dalam semua perkara dan berlindung dengannya. Menurut al-Jauhari pula الوزير الموارر seperti الأكميل المواكل kerana dia memikul beban atau tanggungan daripada tuannya (Ibn Manzur, 1990).

Umar (2006) mendefinisikan (وزر الشخص) dengan dua maksud; menanggung sesuatu yang berat di bahunya dan maksud kedua adalah berdosa, manakala (وزر الشيء) memberi maksud memikul atau membawa sesuatu. Perkataan وازر pula memberi maksud membantu atau menolong dan perkataan وزير bermaksud معين iaitu pembantu dan ahli politik yang dipilih oleh ketua negara untuk memikul tanggungjawab dalam sesebuah kementerian tertentu. Oleh yang demikian, dapatlah dinyatakan bahawa perkataan وزر dari segi bahasa memberi beberapa maksud iaitu bebanan yang berat, tempat perlindungan, dosa dan peralatan perang.

Perkataan ini terdapat dalam pelbagai pola kata nama dan kata kerja seperti carta di bawah.

Graf 1

*Pola kata bagi perkataan wazar*



b) وزر dalam al Quran

Abd al'Aal Salim (2009) dalam membahaskan tajuk *al-musytarak al-lafzī* dalam pengajian al-Quran telah mengemukakan pandangan ahli tafsir Muqatil ibn Sulaiman (1975) di dalam kitabnya *Al-Asybah wa Al-Naza'ir fi Al-Quran Al-Karim*, menyatakan bahawa perkataan وزر digolongkan dalam *al-musytarak al-lafzī* kerana ia mempunyai tiga makna yang berbeza iaitu وازره di dalam surah al-An'am ayat 164, al-Isra' ayat 15, Fatir ayat 18, al-Zumar ayat 7, dan al-Najm ayat 38 ﴿ولا تزر وازرة وزر أخرى﴾ bererti orang yang menanggung atau memikul dan وزر adalah bebanan, وزير di dalam surah Taha ayat 25, ﴿واجعل لي وزيراً من أهلي﴾ bererti pembantu dan أوزار dalam surah al-Nahl ayat 25 ﴿ليحملوا أوزارهم كاملة يوم القيامة﴾ bererti dosa-dosa.

Al-Damighani (1970) dalam bukunya *Qamus al Quran aw Islah al Wujub wa al Naza'ir fi al- Quran al-Karim* berpendapat bahawa perkataan وزر juga mempunyai tiga makna yang berbeza iaitu تزر وازرة di dalam surah al-An'am ayat 164, al-Isra' ayat 15, Fatir ayat 18, al-Zumar ayat 7 dan al-Najm ayat 38 ﴿ولا تزر وازرة وزر أخرى﴾ bererti menanggung orang yang menanggung dan وزر bermaksud dosa, وزير daripada perkataan (آزره) yang dinyatakan di dalam surah Taha ayat 29 ﴿واجعل لي وزيراً من أهلي﴾ bererti pembantu dan الوزر dalam surah al-Nahl ayat 25 ﴿ليحملوا أوزارهم كاملة يوم القيامة﴾ bererti dosa-dosa. Oleh yang demikian, al-Damighani bersetuju bahawa perkataan وزر adalah *al-musytarak al-lafzī*. Di dalam kitab *Ma Ittafaqa lafzahu wa Ikhtalafa Maknahu* karangan Abu al Sa'adat Ibn al-Syajari, perkataan الوزر membawa tiga makna yang berbeza; pertama الوزر bererti berat, oleh yang demikian perkataan الوزر dalam surah Taha ayat 29 ﴿واجعل لي وزيراً من أهلي﴾ membawa maksud orang yang membawa beban tuannya yang berat, kedua الوزر bererti dosa dan ketiga الوزر bererti barang yang disediakan untuk berperang berdasarkan surah Muhammad ayat 4 ﴿فإما منا بعد وإما فداء حتى تضع الحرب أوزارها﴾ yang bermaksud senjata dan peralatan perang (al-Syajari, 1996).

Al-Asfahani (2009) menjelaskan perkataan الوزر membawa dua makna yang berbeza; pertama الوزر bermaksud bukit yang digunakan sebagai tempat berlindung. Ini dibuktikan dalam surah al-Qiyamah ayat 11 ﴿كَلَّا لَا وَزَرَ﴾. Maksud kedua الوزر adalah bebanan yang berat, termasuk dosa dalam surah al-Nahl ayat 25 ﴿لِيَحْمِلُوا أَوْزَارَهُمْ كَامِلَةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَمِنْ أَوْزَارِ الَّذِينَ يُضِلُّونَ بِغَيْرِ عِلْمٍ أَلَا سَاءَ مَا يَزِرُونَ﴾, ﴿وَوَضَعْنَا عَنكَ وِزْرَكَ الَّذِي أَنقَضَ ظَهْرَكَ﴾ dan ayat ﴿وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَى﴾ serta peralatan perang dalam ayat ﴿فِيمَا مَنَا بَعْدَ وَإِنَّا فِدَاءٌ حَتَّى تَضَعَ الْحَرْبُ أَوْزَارَهَا﴾.

Berdasarkan pandangan dan hujah yang telah dikemukakan mereka, membuktikan bahawa perkataan وزر adalah *al-musytarak al-lafzī* kerana satu lafaz mempunyai beberapa makna yang berbeza. Namun penulis mendapati wujud sedikit perbezaan di antara makna yang diberi dengan dalil yang dikemukakan. Berdasarkan pendapat Maqatil ibn Sulaiman berhubung perkataan وزر di dalam ayat ﴿وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَى﴾ menunjukkan perbezaan makna dengan al-Damighani (1970) tetapi mereka bersetuju dengan makna pembantu bagi perkataan وزير di dalam ayat ﴿وَأَجْعَلْ لِي وِزِيرًا مِّنْ أَهْلِي﴾ walaupun mereka merujuk kepada kata dasar yang berbeza. Ini bertentangan pula dengan pendapat al-Syajari (1996) yang memberi makna orang yang membawa beban tuannya yang berat. Namun ketigatiga mereka tidak membahaskan perkataan الوزر di dalam ayat ﴿كَلَّا لَا وَزَرَ﴾ yang dimaksudkan oleh al-Asfahani (2009) tempat berlindung. Sehubungan dengan itu, merujuk pandangan ahli tafsir adalah langkah yang tepat bagi mengukuhkan hujah dalam menjawab persoalan adakah perkataan وزر tergolong dalam *al-musytarak al-lafzī*.

## 6.2 Ayat Yang Mengandungi Perkataan Wazar Menurut Pandangan Mufasssirin

1. Surah al-An'am; Ayat 164

﴿وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ﴾

Menurut pandangan al-Tabari (1997), perkataan *وزر* dalam ayat ini diulang sebanyak lima kali dalam surah yang berbeza ditafsirkan ( *ولا تأثم نفس آثمة بإثم نفس* ) (أخرى غيرها) memberi maksud berdosa. Manakala al-Zamakhshari (1995) dan Ibn Kathir (1987) pula mentafsirkan perkataan *تر* dengan maksud memikul (تحمل), manakala perkataan *وازره* pula bermaksud yang berdosa (آثمة).

2. Surah al-Nahl: Ayat 25

﴿لِيَحْمِلُوا أَوْزَارَهُمْ كَامِلَةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَمِنْ أَوْزَارِ الَّذِينَ يُضِلُّونَهُمْ بِغَيْرِ عِلْمٍ أَلَا سَاءَ مَا يَزِرُونَ﴾ ﴿٢٥﴾ dan ﴿وَهُمْ يَحْمِلُونَ أَوْزَارَهُمْ عَلَى ظُهُورِهِمْ أَلَا سَاءَ مَا يَزِرُونَ﴾ ﴿٢٦﴾

Berdasarkan tafsiran al-Zamakhshari (1995) dan Ibn Kathir (1987) terhadap kedua-dua ayat ini, perkataan (أوزار) disebut dalam bentuk *jamak* yang bermaksud dosa. Di dalam ayat pertama ia berkaitan dosa akibat tuduhan orang musyrikin terhadap Rasulullah saw dan dosa orang yang mereka sesatkan. Begitu juga mereka mentafsirkan perkataan (أوزار) dalam ayat kedua dengan maksud dosa kerana ia merupakan suatu bebanan yang berat di belakang mereka. Di akhir kedua-dua ayat, pula Allah SWT mencela golongan manusia ini dengan mengulangi semula perkataan (وزر) dalam bentuk kata kerja (يزرون) yang merupakan *silah mausul* kepada huruf (ما). Pengulangan dalam gaya bahasa celaan ini menunjukkan betapa beratnya tanggungan mereka di akhirat kelak akibat dosa yang mereka lakukan.

3. Surah Taha: Ayat 100

﴿مَنْ أَعْرَضَ عَنْهُ فَإِنَّهُ يَحْمِلُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وِزْرًا﴾ ﴿١٠٠﴾

Al-Razi (1999) dan al-Zamakhshari (1995) menjelaskan perkataan *وزر* di dalam

ayat ini bermaksud balasan Allah SWT yang sangat berat kerana sifatnya yang kekal abadi dan seburuk-buruk bebanan di hari akhirat kelak. Ibn Kathir (1987) pula mentafsir perkataan *وزر* dengan makna dosa.

#### 4. Surah al-Insyirah: Ayat 2

﴿وَوَضَعْنَا عَنكَ وِزْرَكَ﴾

Perkataan *وزر* dalam ayat ini ditafsirkan oleh al-Zamakhshyari (1995) dengan maksud kesusahan dan rintangan yang dihadapi oleh Rasulullah saw dalam menyampaikan risalah dakwah. Kesusahan yang berat ini meliputi sebelum dan selepas kerasulan baginda dan merupakan tanggungan yang berat.

#### 5. Surah Taha: Ayat 87

﴿قَالُوا مَا أَخْلَفْنَا مَوْعِدَكَ بِمَلِكِنَا وَلَكِنَّا حَمَلْنَا أُوزَارًا مِّن زِينَةِ الْقَوْمِ  
فَقَذَفْنَا فِي كَذَلِكَ أَلْقَى السَّامِرِيُّ﴾

Menurut Ibn Kathir (1987) perkataan *أوزار* dalam ayat kedua bermaksud bebanan yang berat kerana mengandungi perhiasan daripada emas kepunyaan orang-orang Mesir untuk dilemparkan ke dalam api yang telah dinyalakan dalam suatu lubang untuk dijadikan patung berbentuk anak lembu. Manakala al-Zamakhshyari (1995) mentafsirkan dengan dua maksud; pertama bebanan perhiasan emas dan kedua dosa disebabkan mereka adalah golongan yang menuntut keamanan dan tidak berhak mendapat harta *ghanimah*.

#### 6. Surah Muhammad: Ayat 4

﴿فَإِمَّا مَنَّا بَعْدُ وَإِمَّا فِدَاءً حَتَّى تَضَعَ الْحَرْبُ أَوْزَارَهَا﴾

Menurut al-Zamakhshyari (1995) dan Ibn Kathir (1987) dalam mentafsir perkataan (*أوزار*) dalam ayat ini bermaksud peralatan perang kerana diperbuat daripada bahan-bahan yang berat. Namun al-Tabari (1997) melihat perkataan

(أوزار) dengan maksud dosa-dosa, iaitu sehingga orang-orang musyrik bertaubat daripada dosa (syirik) yang mereka lakukan. Al-Razi (1999) pula mentafsirkan perkataan (أوزار) dengan dua maksud; peralatan perang dan dosa-dosa mereka kerana (الحرب) merujuk kepada orang yang terlibat dalam peperangan.

Menurut al-Zamakhshari (1995) dan Ibn Kathir (1987), perkataan *awzār* (أوزار) dalam ayat ini membawa maksud peralatan perang atau senjata kerana ia merujuk kepada kelengkapan peperangan yang bersifat berat dan perlu dipikul oleh para tentera. Sebaliknya, al-Tabari mentafsirkan perkataan tersebut sebagai dosa-dosa yang ditanggung oleh golongan musyrikin, iaitu peperangan akan berakhir apabila mereka meninggalkan kesyirikan dan kembali kepada ajaran Allah SWT. Sementara itu, al-Razi (1999) mengemukakan kedua-dua tafsiran tersebut, iaitu peralatan perang dan dosa-dosa dengan melihat bahawa kedua-duanya masih mempunyai hubungan makna dengan lafaz *awzār*.

Perbezaan tafsiran ini menunjukkan keluasan makna yang terkandung dalam akar kata (و-ز-ر). Berdasarkan sumber leksikografi Arab klasik, akar kata tersebut pada asasnya membawa makna beban atau tanggungan, yang kemudiannya berkembang kepada beberapa makna cabang seperti dosa, tanggungjawab dan sesuatu yang berat untuk dipikul. Oleh sebab itu, perkataan *awzār* boleh merujuk kepada peralatan perang kerana sifat fizikalnya yang berat, dan pada masa yang sama boleh merujuk kepada dosa kerana ia merupakan beban moral yang ditanggung oleh seseorang. Perbezaan pandangan para *mufasssir* berkemungkinan berpunca daripada penekanan mereka terhadap konteks tertentu dalam ayat sama ada konteks peperangan secara zahir atau konteks keagamaan yang berkait dengan kesyirikan dan keimanan. Berdasarkan analisis teori medan makna, penulis berpandangan bahawa tafsiran-tafsiran tersebut tidak bersifat saling bercanggah, sebaliknya berpusat pada satu konsep semantik yang sama, iaitu bebanan. Makna peralatan perang dan dosa-dosa masing-masing mewakili dimensi fizikal dan dimensi maknawi bagi konsep beban tersebut. Hubungan ini selaras dengan makna asas akar kata *wazar* yang menggambarkan sesuatu yang dipikul dan ditanggung. Oleh itu, kepelbagaian tafsiran yang dikemukakan oleh para *mufasssir* memperlihatkan keluasan medan makna lafaz *awzār* serta menunjukkan bagaimana konteks ayat memainkan peranan penting dalam menentukan makna yang paling sesuai dalam sesuatu penggunaan al-

Quran.

Berdasarkan kepada tafsiran ayat 1 hingga 6, penulis mendapati bahawa perkataan (وزر) yang ditafsirkan dengan pelbagai maksud; iaitu menanggung berat, bebanan yang berat, dosa, orang yang berdosa dan peralatan perang sebenarnya merujuk kepada makna yang satu iaitu bebanan yang berat. Oleh kerana dosa adalah satu bebanan yang amat berat kepada seseorang, maka Allah tidak sesekali membebankan seseorang dengan dosa orang lain. Begitu juga peralatan perang merupakan bebanan yang sangat berat kepada tentera kerana ia diperbuat daripada bahan-bahan yang berat, contohnya baju besi, perisai, pedang, peralatan memanah dan sebagainya.

#### 7. Surah Taha: Ayat 29

﴿وَأَجْعَلْ لِي وَزِيرًا مِّنْ أَهْلِي﴾

Ayat ini pula merupakan permohonan Nabi Musa as kepada Allah SWT. Perkataan وزير ditafsirkan sebagai bantuan (مُساعدَة) oleh Ibn Kathir (1987) dan (عونا) oleh al-Tabari (1997). Tetapi al-Zamakhshari (1995) menjelaskan bahawa tiga kemungkinan asal perkataan (وزير) pertama الوزير kerana dia memikul tanggungan dan bekalan makanan daripada raja, atau kedua (الوزير) kerana raja berpegang pada pandangannya dan berlindung kepadanya dalam semua urusan, atau ketiga المُوَازرة iaitu bantuan.

#### 8. Surah al-Furqan: Ayat 35

﴿وَلَقَدْ آتَيْنَا مُوسَى الْكِتَابَ وَجَعَلْنَا مَعَهُ وَآخَاهُ هَارُونَ وَزِيرًا﴾

Manakala ayat ini pula menjelaskan bahawa Allah SWT telah menurunkan kitab Taurat kepada Nabi Musa a.s. dan menjadikan Harun sebagai pembantunya untuk menghancurkan kaum yang mendustakan ayat-ayat Allah SWT. Menurut al-Razi (1999) perkataan وزير dalam ayat ini bermaksud orang yang turut memikul tanggungjawab yang sama sebagai nabi berdasarkan ayat yang

seterusnya Allah memerintahkan kedua-duanya (Nabi Musa dan Harun) untuk pergi berdakwah kepada kaum yang mendustakan ayat-ayat Allah seperti ayat 43 surah Taha. Al-Zamakhshari (1995) pula mentafsir perkataan tersebut dengan maksud pembantu kerana diutuskan Harun sebagai hanya sebagai pembantu Nabi Musa a.s. agar mereka saling bekerjasama dalam berdakwah.


Berdasarkan tafsiran ayat 6 dan 7 di atas, didapati bahawa beberapa ulama' tafsir memberi maksud perkataan *وزير* dengan pembantu kerana mereka berpegang kepada kata dasar perkataan iaitu (*آزره*) yang bermaksud membantu. Namun penulis mendapati al-Zamakhshari telah merujuk kepada tiga kata dasar yang berlainan dan menghasilkan tiga tafsiran yang berlainan juga. Oleh yang demikian, penulis berpendapat pembantu di dalam ayat ialah orang yang memikul tanggungjawab dan beban yang diberikan oleh tuannya berdasarkan ayat 43 surah Taha. Justeru, jelaslah di sini bahawa perkataan *وزير* yang terdapat dalam kedua-dua ayat tersebut memberi maksud bebanan yang berat iaitu satu tanggungjawab yang besar dan berdosa jika diabaikan.

Hubungan antara perkataan *wazir* (*وزير*) dan konsep bebanan turut dijelaskan dalam sumber leksikografi Arab klasik. Menurut Ibn Manzur (1990) dalam *Lisan al-'Arab*, perkataan *wazir* berasal daripada akar kata *w-z-r* (*و-ز-ر*) yang pada asalnya membawa maksud *al-thiqal* (*الثقل*), iaitu beban yang berat. Beliau menjelaskan bahawa seseorang disebut sebagai *wazir* kerana individu tersebut membantu pemerintah atau ketuanya dalam memikul beban urusan dan tanggungjawab yang dipertanggungjawabkan kepadanya (*li-annahu yahmilu 'anhu thiqlahu*). Oleh itu, istilah *wazir* bukan sekadar merujuk kepada pembantu bahkan kepada individu yang berkongsi dan menanggung beban tugas bersama pihak yang dibantunya.

Penjelasan yang sama turut dikemukakan oleh al-Fairuz Abadi (1933) dalam *al-Qāmūs al-Muḥīṭ*. Beliau menerangkan bahawa *al-wizr* (*الوزير*) membawa makna beban, tanggungan dan dosa, manakala *al-wazir* ialah orang yang menanggung sebahagian beban orang lain dan membantu dalam urusan yang berat. Takrifan ini menunjukkan bahawa hubungan antara *wazir* dan bebanan merupakan hubungan yang bersifat etimologi dan semantik. Oleh yang demikian

apabila perkataan *wazir* digunakan dalam kisah Nabi Musa a.s. dan Nabi Harun a.s. maknanya tidak terbatas kepada pembantu semata-mata tetapi lebih tepat difahami sebagai individu yang turut memikul amanah, tanggungjawab dan beban dakwah yang besar. Kefahaman ini selaras dengan medan makna akar kata *وزر* yang berpusat pada konsep bebanan dan tanggungan, sekali gus mengukuhkan pentafsiran bahawa *wazir* dalam ayat tersebut merujuk kepada perkongsian tanggungjawab, bukan sekadar bantuan biasa.

9. Surah al-Qiyamah: Ayat 11



Pentafsiran perkataan *وزر* dalam ayat ini dengan maksud tempat perlindungan dibuktikan dengan kesepakatan kebanyakan tafsiran para ulama' tafsir seperti al-Zamakhshari (1995), al Razi (1999), al-Tabari (1997) dan Ibn Kathir (1987). Al-Zamakhshari (1995) menjelaskan bahawa apabila berlakunya hari qiamat tiada lagi tempat untuk manusia berlindung. Menurut al-Razi (1999), *وزر* ialah tempat untuk seseorang itu berlindung apabila dia di dalam ketakutan asalnya adalah bukit yang tinggi.

Jadual 1

*Dapatan kajian penulis mengenai perkataan (وزر) dalam al Quran.*

Bil	Ayat Al Quran	Surah	Ayat	Makna Perkataan <i>وزر</i>	Makna <i>Al-musytarak al-lafzi</i>
1	وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ	Al An'am	164	1. Menanggung 2. Berdosa 3. Orang yang menanggung	Bebanan
2	وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ	Al Isra'	15	4. Orang yang berdosa	yang berat الحمل الثقيل

3	وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ	Fatiir	18	5. Bebanan yang berat 6. Dosa	
4	وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ	Al Zumar	7		
5	وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ	Al Najm	38		
6	وَهُمْ يَحْمِلُونَ أَوْزَارَهُمْ عَلَىٰ ظُهُورِهِمْ ۖ أَلَا سَاءَ مَا يَزِرُونَ ﴿٣١﴾	Al An'am	31	1. Bebanan yang berat 2. Dosa-dosa 3. Berdosa	Bebanan yang berat الحمل الثقيل
7	﴿لِيَحْمِلُوا أَوْزَارَهُمْ كَامِلَةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَمِنْ أَوْزَارِ الَّذِينَ يُضِلُّونَهُمْ بِغَيْرِ عِلْمٍ ۖ أَلَا سَاءَ مَا يَزِرُونَ ﴿٥٥﴾﴾	Al Nahl	25		
8	﴿وَوَضَعْنَا عَنكَ وِزْرَكَ ﴿٢﴾﴾	Al Syarah	2	1. Bebanan yang berat	
9	﴿مَنْ أَعْرَضَ عَنْهُ فَإِنَّهُ يَحْمِلُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وِزْرًا ﴿١٠﴾﴾	Taha	100	1. Dosa-dosa 2. Balasan Allah yang berat	

10	<p>﴿قَالُوا مَا أَخْلَفْنَا مَوْعِدَكَ بِمَلِكِنَا وَلَكِنَّا حُمِلْنَا أَوْزَارًا مِّن زِينَةِ الْقَوْمِ فَقَذَفْنَاهَا فَكَذَلِكَ أَلْقَى السَّامِرِيُّ﴾<sup>(٨٧)</sup></p>	Taha	87	1. Bebanan yang berat	
11	<p>﴿فَأَمَّا مَثَلُ بَعْدُ وَإِنَّمَا فَدَاءٌ حَتَّى تَضَعَ الْحَرْبُ أَوْزَارَهَا﴾</p>	Muhammad	4	1. Peralatan perang 2. Dosa-dosa	
12	<p>﴿وَأَجْعَل لِّي وَزِيرًا مِّنْ أَهْلِي﴾<sup>(٢٩)</sup></p>	Taha	29	1. Pembantu 2. Orang yang menanggung tanggungjawab yang berat	
13	<p>﴿وَجَعَلْنَا مَعَهُ إِخَاهُ هَارُونَ وَزِيرًا﴾<sup>(٣٥)</sup></p>	Al Furqan	35		
14	<p>﴿كَأَن لَّا وَرَرًا﴾<sup>(١١)</sup></p>	Al Qiyamah	11	1. Tempat berlindung	Tempat berlindung الملجأ

## 7.0 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti perkataan polisemi atau *al-musytarak al-lafzi wazar* dalam al-Quran al-Karim. Hasil kajian menunjukkan bahawa *al-musytarak al-lafzi* mempunyai konsep umum dan khusus. Menurut pengertian umum, *al-musytarak al-lafzi* didefinisikan sebagai perkataan yang mempunyai lebih daripada satu makna. Definisi *al-musytarak al-lafzi* menurut pengertian khusus pula ialah perkataan yang sama ejaan dan

sebutan serta menunjukkan kepada dua makna atau lebih yang tidak bertentangan. Perbezaan pendapat di kalangan sarjana linguistik Arab tentang kewujudan *al-musytarak al-lafzi* di dalam bahasa Arab terbahagi tiga iaitu ia terdapat dalam jumlah yang besar, ia tidak wujud sama sekali dan ia wujud dalam jumlah yang sederhana sahaja. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa perkataan (زج) adalah tergolong dalam *al-musytarak al-lafzi* kerana satu lafaz yang sama menunjukkan makna yang berbeza. Semua perkataan (زج) yang diulang sebanyak 27 kali hanya memberi dua makna yang berbeza; pertama bermaksud bebanan yang berat termasuk dosa dan peralatan perang diulang sebanyak 26 kali dan kedua bermaksud tempat perlindungan hanya disebut sekali sahaja. Perkataan (زج) yang diberi makna memikul, dosa, penanggung dosa, peralatan perang dan pembantu sebenarnya merujuk kepada makna yang sama iaitu bebanan yang berat. Justeru, kajian ini menunjukkan perkataan polisemi dengan kepelbagaian makna menunjukkan elemen keindahan dan keagungan linguistik al-Quran dan bahasa Arab. Kegagalan memahami dan menggunakan unsur-unsur bahasa yang terdapat dalam linguistik Arab akan membawa kepada kelemahan memahami kandungan al-Quran dan hadis Nabi saw. Implikasi kajian telah merumuskan bahawa polisemi merupakan antara komponen penting untuk memastikan mesej atau makna ayat al-Quran al-Karim dapat di sampaikan dengan lebih jelas dan berkesan. Oleh itu, ia menjadi amat penting untuk memahami makna setiap perkataan dalam al-Quran dan mengaplikasikannya dalam kehidupan yang akan menyumbang kepada kecemerlangan manusia sejagat. Secara keseluruhannya, perkara yang telah dikaji dalam kajian ini adalah berkaitan perkataan polisemi dalam al-Quran al-Karim. Kajian ini menumpukan kepada aspek Semantik iaitu polisemi atau *al-musytarak al-lafzi* yang membawa dua makna atau lebih. Penulis memfokuskan kepada perkataan wazar kerana terdapat 27 pengulangan bagi ayat yang sama dalam al-Quran al-Karim. Penulis mencadangkan agar kajian lanjutan dapat diperbanyakkan dan dikembangkan lagi khususnya dalam bidang berkaitan Semantik. Kajian mengenai polisemi atau *al-musytarak al-lafzi* juga boleh diteruskan lagi dalam al-Quran memandangkan setiap perkataan mempunyai makna yang tersendiri supaya ia dapat difahami dan dikembangkan lagi dengan lebih terperinci di samping menjelaskan mengenai kaitan *polisemi* dan *homonim* dalam bidang Semantik Arab supaya keindahan bahasa Arab dan keunikan bahasa al-Quran dapat ditonjolkan kepada pencinta

bahasa Arab khususnya dan orang awam amnya. Ini sekaligus akan dapat menarik minat orang ramai mendalami ilmu al-Quran dengan pendedahan makna perkataan dalam al-Quran. Justeru, penulis berharap agar kajian ilmiah ini dapat memberi nilai tambah dan manfaat kepada semua pihak terutama para pencinta bahasa Arab serta ilmuwan bahasa di samping dapat menampilkan kepelbagaian makna perkataan dan keindahan al-Quran itu sendiri.

## RUJUKAN

Al-Qur'ān al-Karīm

- 'Abd al-'Āl Sālim Mukarram. (2009). *Al-Mushtarak al-Lafẓī fī al-Ḥaql al-Qur'ānī*. A'lām al-Kutub.
- 'Abd al-Bāqī, M. F. (1992). *Al-Mu'jam al-Mufahras li Alfāẓ al-Qur'ān al-Karīm*. Dār al-Kutub al-Miṣriyyah.
- Abdul-Raof, H. (2003). *Exploring the Qur'an*. RoutledgeCurzon.
- Abū al-'Amaythal. (1988). *Kitāb al-Ma'thūr min al-Lughāt*. Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyyah.
- Al-Damīghānī, H. M. (1970). *Qāmūs al-Qur'ān aw Iṣlāḥ al-Wujūh wa al-Nazā'ir fī al-Qur'ān al-Karīm*. Dār al-'Ilm li al-Malāyīn.
- Al-Kurā'in, A. N. (1993). *Ilm al-Dalālāt bayn al-Nazar wa al-Taṭbīq*. Al-Mu'assasat al-Jāmi'iyyah li al-Dirāsāt wa al-Nashr wa al-Tawzī'.
- Al-Manjad, N. (1998). *Al-Mushtarak al-Lafẓī fī al-Qur'ān al-Karīm bayna al-Nazariyyah wa al-Taṭbīq*. Dār al-Fikr.
- Al-Aṣfahānī, A. Q. R. (2009). *Al-Mufradāt fī Gharīb al-Qur'ān al-Karīm*. Dār Ma'rifah.
- Al-Rāzī, M. (1999). *Al-Tafsīr al-Kabīr li al-Imām Fakhr al-Dīn al-Rāzī*. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn. (2003). *Al-Durr al-Manthūr fī al-Tafsīr bi al-Ma'thūr*. Markaz Hajr li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt al-'Arabiyyah wa al-Islāmiyyah.
- Al-Shajarī, H. A. (1996). *Mā Ittafaqa Lafẓuhu wa Ikhtalafa Ma'nāhu*. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Ṭabarī, A. J. M. I. J. (1997). *Tafsīr al-Ṭabarī: Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl Āyāt al-Qur'ān: Taqrīb wa Tahdhīb*. Dār al-Qalam.

- Al-Zamakhsharī, M. U. (1995). *Al-Kashshāf ‘an Ḥaqā’iq al-Tanzīl wa ‘Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta’wīl*. Dār al-Ma‘rifah.
- Al-Ṣāliḥ, Ṣ. (1983). *Dirāsāt fī Fiqh al-Lughah*. Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn.
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27–40. <https://doi.org/10.3316/QRJ0902027>
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). Thousand Oaks, CA: SAGE.
- Izutsu, T. (1964). *The structure of the ethical terms in the Quran*. Keio Institute of Cultural and Linguistic Studies.
- Ibn al-Athīr, M. D. M. M. (1893). *Al-Nihāyah fī Gharīb al-Ḥadīth wa al-Athar*. Al-Maṭba‘ah al-‘Uthmāniyyah.
- Ibn Durustawayh, ‘Abdullāh ibn Ja‘far. (1975). *Taṣḥīḥ al-Faṣīḥ*. Maktabah al-Irshād.
- Ibn Fāris, A. (1992). *Mu‘jam Maqāyīs al-Lughah*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibrāhīm Anīs. (1984). *Dalālāt al-Alfāz*. Maktabah al-Angīlu al-Miṣriyyah.
- Ibrāhīm Anīs. (1973). *Fī al-Lahajāt al-‘Arabiyyah*. Maktabah al-Angīlu al-Miṣriyyah.
- Ibn Kathīr, A. F. (1987). *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*. Dār al-Ma‘rifah.
- Ibn Manzūr, J. M. (1990). *Lisān al-‘Arab*. Dār Ṣādir.
- Majma‘ al-Lughah al-‘Arabiyyah. (1989). *Al-Mu‘jam al-Wasīṭ*. Dār al-Da‘wah.
- Al-Fairūz Ābādī, Muḥammad Mujid al-Dīn. (1933). *Al-Qāmūs al-Muḥīṭ*. Maṭba‘ah al-Sa‘ādah.
- Muqātil, S. B. A. B. (1975). *Al-Ashbāh wa al-Nazā’ir fī al-Qur’ān al-Karīm*. Al-Hai‘ah al-Miṣriyyah al-‘Āmmah li al-Kitāb.
- Palmer, F. R., & Abdullah, H. (1989). *Semantic*. Universiti Sains Malaysia.
- Ṣubḥī Ḥamāwī. (2000). *Al-Munjid fī al-Lughah al-‘Arabiyyah al-Mu‘āṣirah*. Dār al-Mashriq.
- ‘Umar, A. M. (2006). *‘Ilm al-Dalālāt*. ‘Ālam al-Kutub.
- ‘Umar, A. M. (1988). *Al-Mu‘jam al-‘Arabī al-Asāsī*. Larousse.
- Verhaar, J. W. M. (1986). *Pengantar Linguistik*. Gadjah Mada University Press.

- Ibn Fāris, A. (1992). *Mu'jam Maqāyīs al-Lughah*. Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibrāhīm Anīs. (1984). *Dalālāt al-Alfāz*. Maktabah al-Angīlu al-Miṣriyyah.
- Ibrāhīm Anīs. (1973). *Fī al-Lahajāt al-'Arabiyyah*. Maktabah al-Angīlu al-Miṣriyyah.
- Ibn Kathīr, A. F. (1987). *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*. Dār al-Ma'rifah.
- Ibn Manzūr, J. M. (1990). *Lisān al-'Arab*. Dār Ṣādir.
- Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah. (1989). *Al-Mu'jam al-Wasīṭ*. Dār al-Da'wah.
- Al-Fairūz Ābādī, Muḥammad Majd al-Dīn. (1933). *Al-Qāmūs al-Muḥīṭ*. Maṭba'ah al-Sa'ādah.
- Muqātil, S. B. A. B. (1975). *Al-Ashbāh wa al-Nazā'ir fī al-Qur'ān al-Karīm*. Al-Hai'ah al-Miṣriyyah al-'Āmmah li al-Kitāb.
- Palmer, F. R., & Abdullah, H. (1989). *Semantic*. Universiti Sains Malaysia.
- Ṣubḥī Ḥamāwī. (2000). *Al-Munjid fī al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'āṣirah*. Dār al-Mashriq.
- 'Umar, A. M. (2006). *Ilm al-Dalālāt*. 'Ālam al-Kutub.
- 'Umar, A. M. (1988). *Al-Mu'jam al-'Arabī al-Asāsī*. Larousse.
- Verhaar, J. W. M. (1986). *Pengantar Linguistik*. Gadjah Mada University Press.